

11 MARI 1978  
Beliau telah menang dan kalah di dalam pilihanraya-pilihanraya lalu, tetapi beliau tidak pernah menang kerana kesedihan atau kegembiraan tetapi bila menang pilihanraya kali ini beliau menang.

Kenapa?

"Saya terharu mengenangkan di sebalik kata nista, caci maki dan fitnah yang dilemparkan kepada saya, saya telah menang."

"Saya nampak keriangannya penyokong-penyokong saya seperti mereka terlepas dari segala fitnah," kata Datuk Sri Dr. Mahathir yang saya temui di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian minggu lalu.

Ketika itu beliau di dalam keadaan lesu, tidak sihat, batuk dan demam, akibat dari kerja keras menjalankan kempen pilihanraya siang dan malam di kawasan Pasu dan juga di kawasan-kawasan lain. Beliau berucap tidak kurang dari 10 tempat di dalam satu hari sehingga larut malam.

Dari perbualan dengannya, ternyata bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir merasakan amat pahit sekali apa yang dilakukan oleh PAS terhadapnya di dalam pilihanraya kali ini.

"Saya tidak pernah mengalami pengalaman yang sepahit ini di dalam pilihanraya-pilihanraya yang lalu!" katanya.

Bila saya mengatakan bahawa barangkali doktor telah dibawa oleh arus emosi di dalam perkara ini, beliau bertanya kepada saya "Apakah perasaan saudara sekiranya saudara sebagai seorang Islam dipanggil kafir, anak Yahudi dan komunis?"

# BAHAYA MASA DEPAN KUASA POLITIK MELAYU

Mereka melemparkan kata-kata ini di muka saya, dan isteri saya (Dr. Hasmah), katanya sambil bertanya, "apakah ini ajaran Islam?"

Beliau lalu bertanya kepada saya, "apakah saudara perlu masuk PAS untuk jadi Islam?"

"Tidak perlu," jawab saya. "Ya! Saudara boleh berfikir," kata Datuk Sri Dr. Mahathir. "Tetapi bagi setengah-setengah orang kampung yang tidak dapat merasionalisasikan sesuatu perkara yang dikemukakan kepada mereka, maka tentulah mereka menerimanya bulat-bulat."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyebutkan perihal cabutan-cabutan dari bukunya "Malay Dilemma" telah dibuat dengan tujuan memburukkan pandangan orang-orang Islam terhadap dirinya.

Mereka melakukan ini

dengan melempar batu sembunyi tangan, tidak ada keterangan yang menunjukkan mereka berbuat demikian tetapi siapakah lagi yang akan membuatnya, tanya beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, fitnah yang dibuat secara demikian meletakkan beliau di dalam keadaan yang sukar. "Saya tidak dapat menjawabnya kerana kalau hendak menjawabnya saya terpaksa menerangkan lebih lanjut apa yang sebenarnya dari buku saya, tetapi saya tidak boleh berbuat demikian, saya tidak boleh melanggar undang-undang kerana buku itu adalah diharamkan."

Saya mengemukakan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir perihal BN sendiri menyebarkan poster-poster yang seolah-olah menunjukkan Presiden PAS Datuk Asri sedang minum-minu-

man keras.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa itu bukanlah tujuannya. "Saya sendiri menerangkan di dalam kempen-kempen pilihanraya saya bahawa Datuk Asri bukan minum arak, tetapi beliau sedang minum orange tetapi gambar itu bertujuan untuk memberitahu kepada orang ramai bahawa beliau juga mengamalkan tradisi barat yang dikutuknya, beliau juga berpakaian barat.

"Setengah-setengah kebudayaan barat atau tradisi barat telah menjadi kebudayaan atau tradisi universal yang juga diamalkan oleh negara-negara Arab dan pemimpin-pemimpin Islam mereka sendiri," ujarnya.

"PAS telah menuduh UMNO menerima kebudayaan barat dan dengan itu tidak Islam lagi dan kita mahu

memberitahu orang ramai bahawa Datuk Asri juga semasa berada di dalam kerajaan mengamalkan minum ucap selamat, dia juga mengamalkan berbagai tradisi barat, itulah tujuan kita," kata Datuk Sri Dr. Mahathir. Harus diingat PAS dalam tahun 1969 menunjuk gambar YTM Tunku guna chopstick dan Encik Khir memakai pakaian Maharaja China dan pensyarah PAS berkata Tunku makan babi dan Encik Khir jadi tokong Cina.

**Pertanyaan:** Datuk Asri telah menyatakan kehairanannya kenapa Barisan Nasional menjadikan PAS sebagai musuh utamanya?

Datuk Sri Dr. Mahathir: Tidak, tidak benar, PASlah yang menjadikan BN sebagai musuh utamanya. Maka kerana itulah PAS tidak pernah menghentam DAP sepanjang kempen pilihanraya lalu tetapi menumpukan seluruh tenaga pilihanraya untuk menghentam UMNO.

Malah di setengah-setengah tempat terdapat kerjasama yang nyata antara DAP dengan PAS. Ada pondok pengundi yang memakai bendera bersama PAS dan DAP, dan kereta DAP digunakan oleh orang PAS.

PAS menumpu ke kawasan-kawasan di mana juga ada UMNO malah di kawasan yang ia tahu tidak boleh menang seperti di Negeri Johor dan tujuannya ialah semata-mata untuk menolong DAP.

Kerana sifat menjadikan UMNO sebagai musuh utamalah maka PAS telah bertanding di kawasan yang walaupun tidak ada seorang pun ahlinya malah sekalipun ia tahu akan hilang wang pertaruhannya. Tujuan PAS ialah orang PAS barang sekerat pun

MESKIPUN amat pahit sekali dirasakannya perbuatan PAS terhadap dirinya di dalam pilihanraya lalu, tetapi Datuk Sri Dr. Mahathir tetap berpendapat bahawa PAS masih mempunyai peranan untuk dimainkan di negara ini, tetapi beliau kesal PAS yang sekarang adalah bersikap: 'The end justifies the means'.

Ini adalah di antara pendapat Timbalan Perdana Menteri di dalam interviu dengan Pengarang Utusan Malaysia, Saudara Zainuddin Maidin (Zam) yang disiarkan sepenuhnya di ruangan ini.



*"Saya sendiri menerangkan bahawa Datuk Asri bukan minum arak, tetapi minum orange. Gambar itu bertujuan memberitahu orang ramai bahawa beliau juga amalkan tradisi barat yang dikutuknya"*

jangan mengundi BN. Mereka dibolehkan mengundi PAS walaupun tidak cukup untuk menyelamatkan wang pertaruhan.

Maka siapakah yang sebenarnya menjadikan siapa sebagai musuh utamanya?

Kerugian kepada orang-orang Melayu di dalam tindakan PAS ini jelas dapat dilihat dari keputusan pilihanraya di kawasan Damansara yang sekiranya tidak ada PAS tentulah calon BN mendapat kemenangan.

Orang-orang Melayu seharusnya sedar bahawa mereka tidak boleh diwakili oleh orang Melayu juga di semua kawasan tetapi bagaimana pun mereka dapat memastikan bahawa orang-orang bersimpati

man. Ini telah berlaku di dalam pilihanraya 1969. Saya sendiri kalah dan rakan-rakan saya Datuk Senu dan Encik Mohamad Zahir Ismail juga telah kalah kerana kami dicap sebagai Melayu ultra. Orang-orang Cina tidak memberikan undi kepada Perikatan sebaliknya memberikan undi protes kepada PAS. Mereka tahu PAS, sebagai pembangkang tidak akan dapat membuat apa-apa kepada mereka.

Inilah satu cara yang boleh menghancurkan kekuasaan politik orang-orang Melayu.

Sekiranya kita menghancurkan kuasa politik Melayu, maka tamatlah riwayat orang-orang Melayu.

Datuk Sri Dr. Mahathir: Pengundian dibuat atas dasar sentimen. Mereka mengundi kerana menentang tanpa mengira sama ada subversif atau pun tidak.

Pertanyaan: Adakah Dr. berfikir bahawa di masa depan orang-orang di dalam tahanan tidak seharusnya dibenarkan bertanding di dalam pilihanraya kerana ini akan merosakkan imej kerajaan sendiri bila rakyat memberikan undi kepada mereka.

Datuk Sri Dr. Mahathir: Tidak patut ditahan orang-orang di dalam tahanan dari bertanding.

Selain dari di kawasan bandar terdapat ramai cerdik pandai yang bersikap kritikal sematamata untuk conformkan diri mereka sebagai intelektual dan kerana itu menentang kerajaan.

Pertanyaan: Kaum intelektual akan terus berkembang di negara ini dan mereka tidak sahaja akan berada di bandar malah juga di kampung-kampung, tiadakkah ini akan membahayakan masa depan kerajaan sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir: Sekiranya golongan intelektual kita berfikir bahawa mereka mesti menggunakan



**Datuk Sri Dr. Mahathir**

pernah saya tentang mati-matian dan habis-habisan ialah British."

Pertanyaan: Apakah pandangan Dr. terhadap syor penasihat MCA Tun Tan Siew Sin supaya dibubarkan semua parti gabungan Barisan Nasional dan diwujudkan hanya satu parti Barisan Nasional.

Datuk Sri Dr. Mahathir: Hal ini tidak boleh dilakukan selagi masih wujud keraguan antara kaum-kaum di negara ini. Ia hanya boleh dilakukan setelah

bekerjasama dengan bumikan Melayu.

Usaha mewujudkan hanya satu parti sahaja juga telah dijalankan oleh golongan politik sosialis di negara ini yang mendakwa datang dari satu kelas.

Mereka telah mewujudkan Parti Sosialis Rakyat Malaya tetapi mereka juga gagal untuk mewujudkan satu identiti sahaja sebaliknya Parti Rakyat tetap dikenali sebagai Parti Melayu dan Parti Buruh tetap dikenali sebagai parti bukan Melayu.

dengan mereka dari bukan Melayu dapat mewakili mereka.

Sekarang dengan memberikan undi kepada PAS di kawasan Damansara, orang-orang Damansara termasuk

Melayu telah mendapat DAP sebagai wakil mereka. Apakah ini yang dikehendaki oleh orang-orang Melayu?

Kita tidak boleh dapat semuanya yang kita mahu. Kalau mengikut kehendak PAS, dia mahu orang Melayu merampas kuasa di Pulau Pinang.

kita boleh berbuat demikian tetapi kita tidak mahu. Kalau kita melakukannya bererti kita jatuh ke dalam perangkap PAS, yang mahu UMNO membolot semua sehingga dibenci oleh orang MCA dan Gerakan. Dengan ini PAS dapat menghasut orang bukan Melayu supaya mengundi PAS atau sekurang-kurangnya tidak mengundi BN.

**Pertanyaan:** Tidakkah ini hanya merupakan suatu assumption sahaja?

Datuk Sri Dr. Mahathir: Tidak, saya bercakap dari pengala-

**Pertanyaan:** Dr. saya ingin beralih kepada kemenangan DAP di kawasan-kawasan bandar yang oleh banyak pihak telah dianggap sebagai adanya racial polarisation.

Datuk Sri Dr. Mahathir: Saya tidak bersetuju sepenuhnya bahawa ini merupakan racial polarisation. Keputusan yang seumpama ini telah berlaku sebelum ini, telah berlaku dari lama dahulu.

Orang-orang Cina mengundi bagi calon Parti Progresif Rakyat (PPR) di Perak dahulu bukan kerana Cina tetapi kerana sentimen orang-orang bandar menentang kerajaan.

**Pertanyaan:** Dua orang calon DAP yang sedang ditahan juga turut menang dalam pilihanraya lalu [Chan Kok Kit di kawasan Parlimen Sungai Besi dan Chian Heng Kai kawasan Parlimen Batu Gajah dan Negeri Pasir Putih, Perak]. Tidakkah ini menunjukkan bahawa rakyat menidakkan tuduhan kerajaan bahawa orang-orang tahanan ini adalah anasir-anasir yang tidak diingini.

intelligence mereka dengan menjadi kritikal dan percaya kepada pengenalan intelektual menerusi sikap kritikal terhadap kerajaan maka ini akan membahayakan masa depan politik orang-orang Melayu sendiri.

Yang ada pada orang-orang Melayu hanyalah kuasa politik dan sekiranya kekuatan ini kita hancurkan maka habislah kita.

**Pertanyaan:** Dr. sendiri adalah suatu masa dahulu bersikap kritikal terhadap kerajaan.

Ya. Saya bersikap kritikal, tetapi sekalipun saya dikeluarkan dari UMNO tetapi kesetiaan saya tetap pada UMNO dan kepercayaan saya juga tetap pada UMNO.

Ini adalah berbeza dengan sikap setengah anak-anak orang di luar bandar sekarang yang sesudah mendapat segala kemudahan kerajaan untuk belajar di universiti, kemudiannya menentang orang-orang yang menolong mereka dan menentang kerajaan mati-matian.

"Di dalam rekod perjuangan saya, apa yang

tidak ada perbezaan ekonomi antara orang Melayu dan bukan Melayu.

Kita dalam BN sekarang masih berada di peringkat confederation dan belum sampai ke peringkat union.

Kita masih berada di peringkat bekerjasama dan sedang memupuk perasaan saling mengerti dan belum sampai ke peringkat union di mana keraguan antara kaum telah lenyap.

Adalah terlalu awal untuk mewujudkan satu parti sahaja antara parti-parti BN yang bergabung sekarang ini dan percubaan awal ini sekiranya menemui kegagalan akan meninggalkan kesan yang sangat buruk.

Selain dari itu ia juga akan menjadikan parti-parti perkauman di negeri ini seperti PAS dan DAP bertambah kuat dan dengan itu perasaan perkauman juga akan berkembang lebih hebat lagi.

Kita harus mengingatkan bahawa PAS sendiri asalnya diwujudkan ialah apabila UMNO memutuskan untuk

**Pertanyaan:** Akhir sekali saya ingin tahu adakah doktor berpendapat bahawa PAS harus terus hidup sebagai sebuah parti pembangkang di negara ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir: Ya. Saya mahu PAS terus hidup sekiranya ia berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam.

Saya fikir mereka mempunyai peranan untuk dimainkan di tanah air kita tetapi PAS yang ada sekarang tidak berpegang kepada ajaran-ajaran Islam. Mereka berpegang kepada sikap "the end justifies the means (matlamat membolehkan penggunaan apa juga cara) dan untuk itu mereka sanggup melakukan apa sahaja.